



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<https://penang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM PG.800-4/1 JLD 8(42)

Tarikh : 1 NOVEMBER 2023

Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang

Ybhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN SECARA ELECTRONIC FUND
TRANSFER (EFT) KE AKAUN TERIMAAN PEJABAT PERAKAUNAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan ini ingin menarik perhatian Ybhg. Dato'/Tuan/Puan berkenaan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2019 dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 12 Tahun 2022 berkenaan Garis Panduan Pengurusan Akaun Terimaan secara Electronic Fund Transfer (EFT) ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan.

3. Dimaklumkan bahawa, semakan jabatan ini mendapati bahawa terdapat ketidakpatuhan yang masih berlaku bagi Pengurusan Terimaan Secara Electronic Fund Transfer (EFT) seperti berikut:

- a) Pejabat Pemungut (PTJ) mendedahkan maklumat akaun bank terimaan JANM Negeri Pulau Pinang kepada pembayar **tanpa mendapatkan kelulusan jabatan** ini terlebih dahulu menyebabkan terimaan tidak dapat dikenalpasti oleh PTJ dan Pejabat Perakaunan.
- b) Terimaan EFT **lewat diperakaunkan** oleh **Pejabat Pemungut** melebihi tempoh tiga (3) hari dari tarikh notifikasi transaksi terimaan EFT.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara Electronic Fund Transfer (EFT) ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan seperti di **LAMPIRAN 1**. Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa serta – merta dan perlu dipatuhi oleh semua PTJ di bawah seliaan JANM Negeri Pulau Pinang.
5. Kerjasama daripada pihak Ybhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,

MAZIAH BT MUSA C.A.(M)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pulau Pinang